

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah impak kepada pertumbuhan ekonomi khususnya sektor perumahan selepas pelaksanaan Skim Kempen Pemilikan Rumah (HOC) sejak awal tahun ini dan apakah kempen HOC ini akan diteruskan pada tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Belanjawan 2019 telah memperlihatkan usaha Kerajaan untuk mengurangkan isu hartanah atau rumah yang belum terjual melalui Kempen Pemilikan Rumah Kebangsaan (HOC). Kempen ini juga diharap dapat meningkatkan kebolehmilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia.

2. Melalui penganjuran HOC ini, pelbagai insentif telah diberikan oleh Kerajaan bagi meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat. Sebanyak 27,823 unit rumah telah dijual sepanjang penganjuran HOC sehingga 11 November 2019 yang melibatkan nilai jualan sebanyak RM17.657 bilion (jumlah jualan setelah ditolak diskaun). Secara tidak langsung, penjualan rumah ini dapat mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mengatasi isu-isu sosial akibat lambakan hartanah tidak terjual.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini, pelaksanaan kempen HOC ini tidak akan diteruskan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.